



Jika semalam, Wajah Kehidupan memaparkan fungsi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) menggerakkan operasi sesebuah tabika serta cabaran guru mendidik kanak-kanak Orang Asli, hari ini pembaca berpeluang mengetahui kegigihan seorang wanita yang sanggup meninggalkan kerjaya tetapnya untuk membuka tadika.

Paling menarik dalam siri kedua ini turut berkongsi kisah jejaka yang nekad memilih kerjaya sebagai guru tadika.

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Tidak mahu terlepas saat indah membekas dua anaknya mendorong seorang pereka agensi penyiaran terkemuka melepaskan kerjayanya dan membuka pusat perkembangan kanak-kanak di Lorong Maarof, Bangsar, di sini, sejak awal tahun ini.

Pemilik Geni-us-Aulad cawangan Bangsar, Izyan Liyana Khairul Anuar, 33, berkata, keputusan itu turut didorong minatnya yang gemar terhadap pendidikan awal kanak-kanak.

"Saya dari dulu teringin melihat anak membesar depan mata dan mendidik mereka sendiri tetapi pada masa

Minat bimbing si kecil

■ Wanita buka pusat perkembangan kanak-kanak bantu ibu bapa bekerja



FOTO: SURABH MOHD HAFIZ



KANAK-KANAK didedahkan dengan cara belajar sambil bermain bagi memudahkan penerimaan setiap pembelajaran yang diketengahkan. Gambar kecil, Izyan Liyana.

"Jadi, saya dan suami membuat keputusan melaburkan sejumlah wang simpanan dan membuat sedikit pinjaman dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi membuka francais Geni-

us-Aulad di Bangsar," katanya. Menurut Izyan Liyana, mereka membuka pusat berkenaan di Bangsar bagi memberi kemudahan kepada ibu bapa yang bekerja di sekitar ibu kota menghantar anak berusia empat hingga enam tahun berdekatan dengan tempat kerja masing-masing.

FAKTA
Labur sejumlah wang simpanan serta buat pinjaman PUNB

jam 8 malam, anak sudah pun terlena dan kami terlepas peluang melayan keirenan dan keletah anak.

"Justeru, saya berharap dengan adanya inisiatif ini saya dapat meleraikan ke-runsingan ibu bapa yang bekerja, di mana mereka boleh datang menjenguk mahupun meluangkan masa bersama anak di sini pada bila-bila masa," katanya.

Menurutnya, Geni-us-Aulad bukan pusat asuhan tetapi sebuah pusat perkembangan kanak-kanak berusia antara empat hingga enam tahun bermula jam 8.30 pagi hingga 5 petang.

"Pusat berkonsepkan Islamik dan pembelajaran berasaskan bahasa Inggeris ini sangat mementingkan kualiti perkembangan kanak-kanak dengan cara belajar sambil bermain.

"Di sini, kanak-kanak bukan saja diajar perkara asas seperti membaca, mengeja dan mengira tetapi kami juga menerapkan konsep seperti hafazan, berzikir, selawat serta belajar mendirikan solat.

"Paling penting mereka juga diajar mengenai nilai murni seorang Muslim dalam kehidupan seharian, contohnya cara berbuat baik dan menghormati orang sekeliling," katanya.

Rabu: Kaedah pembelajaran tarik minat



MOHD Helmi menabur bakti kepada masyarakat dengan mendidik kanak-kanak.

Malu beritahu rakan

Kuala Lumpur: Jarang sekali kita melihat atau mendengar seorang lelaki menjadi guru tadika yang sinonim dimonopoli golongan Hawa.

Namun, pada masa ini perkara itu bukan lagi mustahil kerana lelaki juga mampu mendidik dan menguruskan kanak-kanak se-tanding wanita.

Bagi pemegang Ijazah Sarjana Muda Sumber Manusia dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Mohd Helmi Abd Razak, 30, minat menabur bakti kepada masyarakat selain gemarkan kanak-kanak membawa dirinya menjadi pemaju masyarakat atau guru tadika di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

"Saya tidak menyesal memilih kerjaya ini kerana bagi

saya, jika kita buat apa yang diminati kita mampu bertahan lebih lama walaupun dilanda pelbagai dugaan.

"Memang mengendalikan kanak-kanak bukan tugas mudah, tetapi jangan terlalu garang, perlu banyak memujuk dan berhalus dengan mereka.

"Bagi saya, kanak-kanak mudah dibentuk dan menerima apa diajar tetapi sudah tentu memerlukan kesabaran tinggi kerana mereka dalam proses mengenali fasa kehidupan dan suka banyak bertanya," katanya.

Mohd Helmi yang kini bertugas di Kompleks Tabika Kem Perdana Sungai Besi mengakui pada awal pembabitannya memilih kerjaya itu dia merahsiakan daripada pengetahuan rakannya.

"Sebelum ini, saya malu hendak beritahu kawan yang saya bekerja sebagai guru tadika kerana bimbang persepsi diberikan mereka terhadap saya.

"Tetapi, apabila keluarga banyak memberi sokongan saya meneruskan kerjaya ini dan alhamdulillah tidak malu lagi memberitahu kawan yang saya bekerja dalam bidang ini.

"Alhamdulillah sudah setahu saya di sini dan bertekad untuk teruskan kerjaya ini kerana rasa sangat sesuai dengan jiwa saya yang sukakan kanak-kanak," katanya.

Katanya, kerjaya itu bukan sekadar mendidik perkembangan awal kanak-kanak, tetapi dia juga berpeluang mendekati masyarakat.